



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

KKNP GOT TALENT 2025 SERLAHKAN BAKAT PELAJAR KOLEJ KOMUNITI NEGERI PERAK.

Ipoh, 19 Ogos 2025 – Program KKNP God Talent 2025 telah berlangsung dengan jayanya di Aeon Mall Kinta, Ipoh, Perak pada 17 Ogos 2025. Acara yang bermula pada jam 2.00 petang hingga 4.00 petang ini berjaya menampilkan kepelbagaian bakat dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Negeri Perak.

Sebanyak 20 penyertaan yang mewakili tujuh buah Kolej Komuniti Negeri Perak telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Pelbagai persembahan menarik dipertontonkan, merangkumi nyanyian, tarian, persembahan muzik dan kreativiti seni yang lain.

Penganjuran program ini bertujuan untuk menjadi platform pencungkil bakat serta memperkukuh jalinan hubungan antara pelajar di samping memperkasakan peranan Kolej Komuniti sebagai pusat pembangunan ilmu, kemahiran dan sahsiah diri. Program seperti ini diyakini dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai salah satu inisiatif memperkasa potensi belia khususnya dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Negeri Perak.

Majlis Perasmian Penutup program ini telah disempurnakan oleh Encik Zulhisham bin Ahmad Shukori, Pegawai Daerah Kinta. Di dalam ucapannya ada menyatakan, kepentingan untuk memantapkann Program-program TVET di dalam negara. Namun, jangan sesekali kita lupa untuk memelihara akan asal usul tanah air kita. Pada majlis ni, tetamu kehormat turut sudi menyampaikan simbolik serahan fabrik batik bg STYLES OF BATIK CHENDEROH 2.0 yang mana merupakan projek penghasilan batik dari pelajar-pelajar Sijil Visual Kreatif, Kolej Komuniti Chenderoh lalu dihasilkan menjadi busan indah oleh pelajar-pelajar Sijil Fesyen dan Pakaian, Kolej Komuniti Batu Gajah yang mana merupakan kesinambungan dari tahun lepas.

Selain itu, Pegawai Daerah Kinta turut menyerahkan fabrik yang bermotifkn Bunga Kelarai untuk dijadikan sebagai pakaian seragam pasukan perbarisan kemerdekaan bagi pasukan Daerah Kinta yang akan berlangsung tidak lama lagi. Beliau turut diberi peluang untuk menyampaikan hadiah kepada para pemenang di pertandingan yang di adakan iaitu Tempat ke-3 Persembahan Tarian dari KK BATU GAJAH, Tempat ke-2 Persembahan Nyanyian dari KK BATU GAJAH dan Pertama Persembahan Monolog yang mengangkat isu buli dari KK TAIPING.

-TAMAT-

**JAWATANKUASA MEDIA DAN PROMOSI,
KOLEJ KOMUNITI NEGERI PERAK,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI.**

H/P : 012-504 3446

19 OGOS 2025